

RM1 bilion tubuh Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam – Najib UM 23/6/07

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 22 Jun – Kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk penubuhan Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang akan menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih berkesan di seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perbadanan itu akan berfungsi sebagai perbadanan biasa yang mempunyai lembaga pengerusi serta pegawai dan dijangka beroperasi sepenuhnya tahun depan.

“Kita sudah luluskan bilangan perjawatan dan geran pelancaran oleh Kerajaan Pusat juga telah diluluskan.

“Bagaimanapun, peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) masih diperlukan dan mereka akan menjalankan tugas pemantauan serta penguatkuasaan,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang ke-54 di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Najib juga menyatakan, keputusan jawatankuasa itu meluluskan Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dan Rang Undang-Undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 untuk dibentangkan di Parlimen pada 2 Julai ini merupakan satu keputusan yang amat besar.

Ini kerana, katanya ia memberi kuasa eksklusif kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal serta pembersihan awam.

Katanya, dengan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan itu, maka sebuah jabatan kawal selia iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara akan diwujudkan.

“Dari segi operasinya, sebuah perbadanan baru akan ditubuhkan untuk melaksanakan operasi harian.

“Di samping itu, bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk membuat aduan, satu tribunal akan diwujudkan untuk mendengar kes seperti pembayaran, levi dan sebagainya,” katanya.

Selain itu, kata Najib, undang-undang baru itu juga akan membolehkan dua syarikat konsesi yang menjalankan kerja-kerja itu berasaskan perjanjian interim akan mendapat punca kewangan yang lebih mantap.

Katanya, dengan pewartaan dua rang undang-undang itu juga, perjanjian konsesi tetap dapat ditandatangani dengan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. dan Southern Waste Management Sdn. Bhd.

“Dengan itu, syarikat tersebut boleh mendapat punca kewangan yang lebih mantap untuk melakukan penambahbaikan dari segi khidmat sisa pepejal dan pembersihan awam yang sedang dilakukan oleh mereka.

“Salah satu daripada rungutan yang kita terima ialah kurang keberkesanan khidmat mereka dan ini adalah kerana mereka tidak dapat punca kewangan kerana perjanjian tetap tidak dapat ditandatangani selagi rang undang-undang berkenaan tidak diluluskan,” katanya.

Selain dua rang undang-undang berkenaan, ujarnya, Jawatankuasa Kabinet itu juga meluluskan pindaan tiga lagi akta berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu Rang Undang-Undang Keraja-



NAJIB Tun Abdul Razak berjabat tangan dengan Menteri Kebudayaan China, Sun Jiazheng (kanan) yang melakukan kunjungan hormat di pejabatnya di Putrajaya, semalam. Hadir sama Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

– Bernama

an Tempatan Pindaan 2007, Rang Undang-Undang Perancangan Bandar dan Desa Pindaan 2007 serta Rang Undang-Undang Jalan, Parit dan Bangunan Pindaan 2007.

Sementara itu, Ka Ting pula berkata, untuk permulaan, sebanyak 2,000 jawatan

akan diisi di dalam Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan ada antara kakitangan tersebut akan diserap dari PBT.

“Perbadanan itu akan ambil alih kuasa eksekutif untuk urusan pengurusan sisa pepejal daripada semua PBT Semenanjung Malaysia,” katanya.